

Diam atas kebenaran umpama syaitan yang bisu

TM

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) |

MOTIVASI · FARDUAIN ·

WSS

Semakin benci kita kepada kemungkaran, maka semakin meningkat rasa kasih dan kasihan kita kepada pelakunya. Kemungkaran itu umpama api yang membakar pelakunya. Ayuh, selamatkan mereka dengan kasih sayang.

Amar Nahi Makruf Mungkar



ISU No. 44

Qadar Allah yang Boleh Diubah

Adakah qadar Allah mungkin boleh berubah? Ada disebutkan ungkapan bahawa qadar tidak boleh ditolak melainkan dengan doa.

Jika qadar menetapkan kita sakit, bukankah kita boleh berusaha untuk menjadi tidak sakit?

Kalau qadar menetapkan kita akan terlibat dengan kemalangan, tidakkah kita boleh berusaha untuk mengelakkan daripada kemalangan itu berlaku?

> hlm. 101

> Generasi Terakhir Umat Manusia

hlm. 111

> Antara Kerjaya, Keluarga dan Dakwah

hlm. 14

> Di Sebalik Secebis Kain...

hlm. 52



Imbas kod untuk ke
Facebook Majalah Solusi

ISSN 1985-5400

>
44

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

Wajib Cakna Urusan Riba

Apa pandangan Dr. jika ada orang yang beralasan sibuk atau tiada masa untuk mempelajari tentang riba? Adakah dosa riba ini begitu besar sehingga kita boleh memaksa seseorang untuk mempelajarinya?

Jawapan: Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka itu disebabkan mereka berkata (berpendapat); 'sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba.' Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang yang telah sampai kepadanya larangan daripada Tuhananya, lalu terus berhenti (daripada mengambil riba), maka baginya apa-apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itulah penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya." (*Surah al-Baqarah* 2: 275)

Itulah kengerian hukuman Allah s.w.t. terhadap satu dosa selain syirik iaitu hukuman kepada pengamal riba, walaupun sudah mengetahui pengharamannya. Cuba kita perhatikan maksud di akhir ayat di atas: "Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itulah penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya."

Imam Ibn Kathir ketika mentafsirkan lafadz ini menyebut: "Lafaz 'sesiapa yang mengulangi' bererti kembali terlibat dengan riba hingga terjebak dengannya walaupun setelah datangnya hukum larangan daripada Allah. Wajib bagi mereka dihukum dengan hukuman keras." (*Tafsir al-Quran al-Azim*, jil. 1, hlm. 328)

Menurut Imam Fakhruddin al-Razi pula, beliau menghuraikan maksud "orang yang kembali" dalam ayat di atas sebagai: "erti ayat 'sesiapa yang kembali' dalam ayat di atas bermakna mereka kembali menghalalkan riba sehingga mereka itu menjadi kafir." (*Tafsir al-Kabir*, jil. 7, hlm. 82)

Berhati-hatilah dan wajib bagi semua Muslim yang meyakini adanya kematian untuk menjauhi riba. Kita amat bimbang ketidakpedulian itu merupakan satu keingkaran terhadap hukum pengharaman riba. Hal ini boleh menjatuhkan seseorang dalam kekafiran tanpa sedar hingga melayakkannya dia kekal di dalam neraka. Nabi

s.a.w. juga tidak mempunyai "peruntukan" untuk memberi bantuan (syafaat) kepada golongan sebegitu. Nauzubillah. Moga kita semua dipelihara oleh Allah s.w.t.

Selain itu, Allah menegaskan menerusi firman-Nya yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang yang beriman. Jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), ketahuilah bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (daripada mengambil riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya." (*Surah al-Baqarah* 2: 278-279)

Riba merupakan dosa yang terbesar dalam bab harta, kesan kerosakan spiritualnya melebihi jenayah rasuah, rompak, mencuri dan sebagainya. Walaupun begitu, perhatian dan kefahaman terhadapnya masih agak kurang. Imam Malik berkata: "Telah aku buka lembaran-lembaran al-Quran dan hadisnya dan aku tidak mendapati dosa yang lebih menggerunkan kecuali riba, yang diizinkan peperangan dengan Allah dan Rasul-Nya." (*Tafsir al-Qurtubi*)

Maka, bagaimana pula kita memperturunkan waktu bagi memahami segala transaksi dan urus niaga riba dalam urusan harian kita?

Kesimpulannya, beralasan sibuk, tiada masa, belum sampai seru, nanti dulu, mahal, menyusahkan dan pelbagai lagi alasan untuk berubah daripada urusan kewangan yang berunsurkan riba seperti pinjaman rumah, pembiayaan kereta, kad kredit, akaun simpanan, insurans, skim dan pelaburan tidak wajar sama sekali wujud dalam hati Mukmin dan Muslim.

Berbuat Amal daripada Harta Riba

Bolehkah kita menggunakan harta riba untuk berbuat amal soleh seperti menunaikan haji, mempertautkan hubungan ukhuwah dan lain-lain?

Jawapan: Firman Allah s.w.t., mak-sudnya: "Allah memusnahkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan) riba dan ditambahkannya (berkat harta) daripada sedekah." (*Surah al-Baqarah* 2: 276)

Ibn Mas'ud berkata, Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya, riba walau banyak (pada kiraan keuntungan atau jimatnya), akibatnya akan membawa kepada sedikit (berkat)."

Ibn Abbas pula berkata: "Tidak diterima (daripada harta riba itu) sebarang sedekah, haji, jihad dan hubungan silaturahim." (*Tafsir al-Qurtubi*)

Justeru, ketika kita sering mengira untung rugi dunia, jangan sesekali dilupakan kiraan untuk akhirat. Sesuatu keuntungan dunia mungkin sahaja amat merugikan di akhirat yang merupakan tempat tinggal kekal kita semua. Memberi perhatian dan usaha menjauhi riba adalah ciri takwa yang disebutkan oleh Sayidina Umar al-Khattab: "Kami tinggalkan 9/10 daripada perniagaan halal kerana bimbang jatuh ke dalam riba."

Renungi ke dalam hati, telusurlah urusan kewangan harian kita, adakah ia berkat atau hanya menarik kehancuran? Imam Ibn Hajar mengulas: "Kehilangan keberkatan di dunia menyebabkan harta menjadi hilang, tidak membawa kepuasan dan ketenangan." **S**

